

B A B I

Strateji Pembangunan Baharu

I.—PENDAHULUAN

1. Perpaduan negara ada-lah matlamat yang penting sekali bagi negeri ini. Masa ini negara berada di-peringkat pembangunan ekonomi dan sosial yang mustahak bagi menitekberatkan penyatuan sosial, pembahagian pendapatan yang lebeh sa-imbang dan peluang² untuk perpaduan dan kemajuan negara. Langkah² menuju kapada perpaduan negara ada-lah teras Dasar Ekonomi Baharu. Ranchangan Malaysia Kedua yang berasaskan Dasar ini di-bentok bagi memudahkan terchapai-nya matlamat negara ini. Ia menandakan satu babak baharu dalam pembangunan ekonomi dan sosial di-Malaysia dan merupakan satu peringkat yang penting dalam siri ranchangan² pembangunan yang di-bentok untuk membasi kemiskinan di-kalangan penduduk² Malaysia tanpa mengira kaum. Ranchangan ini juga bertujuan menyusun sa-mula masharakat Malaysia supaya membaiki keadaan yang tidak sa-imbang di-segi ekonomi antara kaum, dalam keadaan ekonomi yang berkembang, menuju ka-arah pembentukan satu masharakat yang dinamis dan adil.
2. Ranchangan ini mempunyaï dua langkah pembangunan yang terkandong dalam Dasar Ekonomi Baharu. Langkah pertama di-tujukan bagi mengurang dan seterus-nya membasi kemiskinan, dengan menambahkan pendapatan dan membanyakkan peluang² pekerjaan kapada semua ra'ayat Malaysia tanpa mengira kaum. Langkah kedua ia-lah untuk mempercepatkan proses penyusunan sa-mula masharakat Malaysia bagi membaiki keadaan ekonomi yang tidak sa-imbang supaya dapat mengurang dan seterus-nya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi² ekonomi. Proses ini melibatkan pembaharuan penghidupan luar bandar, perkembangan kegiatan² di-bandar yang chepat dan sa-imbang dan mewujudkan satu masharakat perniagaan dan perusahaan di-kalangan orang² Melayu dan kaum² bumiputra yang lain dalam semua jenis dan peringkat pekerjaan, supaya mereka boleh menyertaï dengan sa-penoh-nya dalam semua segi ekonomi.

3. Dasar Ekonomi Baharu ini berasaskan kapada ekonomi yang berkembang dengan pesat dan yang dapat membanyakkan peluang² untuk ra'ayat Malaysia serta puncha² keluaran pembangunan. Oleh itu dalam perlaksanaan Dasar ini, Kerajaan menjamin bahawa tidak akan ujud sa-suatu kumpulan yang akan mengalami kerugian atau berasa kehilangan hak² asasi-nya.

4. Setakat ini pembangunan di-Malaysia telah berkembang dengan pesat. Kemajuan yang pesat telah di-chapai dalam semua lapangan ekonomi dengan semua wilayah memberi sumbangan kapada perkembangan keluaran negara. Perkembangan keluaran dan daya pengeluaran telah meninggikan taraf hidup pada umum-nya dan mengadakan pekerjaan yang lebih banyak untuk tenaga buruh yang sedang bertambah. Ekonomi negara telah dapat melancarkan satu rancangan besar untuk pembangunan luar bandar, perkembangan perkhidmatan kesihatan, perumahan, pelajaran serta perkhidmatan² lain dan meluaskan serta mengelokkan sistem pengangkutan, kemudahan² awam dan lain² kemudahan infrastruktur yang di-perlukan untuk pembangunan. Kemajuan yang di-chapai dalam pengeluaran yang sedang berkembang dan perbaikan pengeluaran ekonomi telah membolehkan ekonomi negara menghadapi masaalah kejatohan harga barang² eksport-nya yang utama dan memenohi keperluan keselamatan yang penting tanpa mengenepikan keperluan² pembangunan yang mustahak.

5. Walau pun kejayaan² ini ada-lah besar, maseh banyak lagi yang harus di-jalankan. Terutama sekali, kemiskinan dan penganggoran serta jurang perbezaan ekonomi maseh terus merupakan masaalah² yang rumit. Sejak bulan Mei tahun 1969, Kerajaan telah menjalankan satu kajian yang mendalam mengenai dasar² dan keutamaan² negara. Ada-lah di-dapati bahawa kemajuan² chemerlang telah dapat di-chapai dalam semua lapangan pembangunan ekonomi dan sosial. Juga di-dapati bahawa perkembangan dan kemajuan sistem pelajaran, kemajuan pembandaran dan kegiatan² ekonomi yang meluas telah menghasilkan timbul-nya fikiran² baharu, renggang-nya ikatan² lama, persoalan mengenai nilai² tradisi dan usaha menchari puncha² pengertian dan persefahaman yang baharu, terutama sekali di-kalangan masharakat belia. Selanjut-nya, Kerajaan telah mendapati bahawa pembangunan² ini sebalek-nya telah menimbulkan masharakat yang berubah² pendirian-nya dari segi sosial dan politik, tetapi sanggup menerima konsep² dan dasar² sosial dan ekonomi yang baharu.

6. Rancangan Malaysia Kedua merupakan satu strateji baharu yang memerlukan keutamaan² negara di-susun sa-mula dan usaha² di-pergiatkan untuk menyelesaikan masaalah² ekonomi dan sosial yang di-hadapi. Dasar² ekonomi dan pembangunan akan di-timbangkan mengikut hubungan-nya

dengan pembangunan sosial umum-nya dan keperluan utama untuk perpaduan negara khusus-nya. Strateji ini berdasarkan kesedaran penoh tentang ada-nya masaalah² dan keperluan² bagi sa-buah ekonomi yang berkembang dalam satu masharakat yang berbilang kaum. Ia mengandungi dasar² dan langkah² untuk membasi kemiskinan dengan meninggikan pendapatan dan mengadakan peluang² pekerjaan yang baharu, serta menyusun semula masharakat Malaysia untuk mengurangkan jurang perbeaan ekonomi antara kaum.

7. Perlaksanaan strateji baharu untuk menchapai matlamat ini akan berpandukan kapada prinsip² *Rukunegara* yang telah di-ishtiharkan pada 31hb Ogos, 1970. *Rukunegara* ini, yang mengishtiharkan tujuan² dan nilaiann² negara dan prinsip² asas bagi panduan ra'ayat dan negara, ia-lah hasil daripada perundingan dan perbinchangan rapat dalam Majlis Perundingan Negara dan merupakan satu persetujuan dan amanat untuk tugas mewujudkan satu negara Malaysia yang bersatu-padu, adil, saksama dan maju di-segi sosial dan ekonomi.

II.—PERPADUAN NEGARA DAN DASAR EKONOMI BAHARU

8. Mengikut Dasar Ekonomi Baharu, pembangunan akan di-jalankan dengan chara yang sesuai supaya dalam proses perkembangan dan pembesaran, ia-nya dapat memberi sumbangan maksima untuk menchapai perpaduan negara.

9. Kedua² langkah Dasar Ekonomi Baharu itu tidak-lah bertentangan antara satu dengan lain. Malahan dalam beberapa segi kedua²-nya saling bergantong dan menyokong. Mithal-nya, langkah² untuk meninggikan pendapatan pendudok² luar bandar, yang kebanyakannya terdiri dari orang² Melayu dan bumiputra² yang lain, bukan sahaja akan menolong membasi kemiskinan tetapi juga akan menchapai matlamat mengurang jurang perbeaan ekonomi antara kaum. Begitu juga, projek² untuk mengurangkan jurang perbeaan ekonomi antara kaum dengan menambahkan penyertaan orang² Melayu dan bumiputra² lain dalam kegiatan² baharu di-bandar² akan memberi sumbangan untuk membasi kemiskinan dengan menambahkan lagi peluang² pekerjaan.

10. Usaha² untuk mewujudkan satu rupa-bangsa dan perpaduan negara ada-lah perkara biasa bagi kebanyakannya negara², terutama di-negara² yang baharu dan sedang membangun. Usaha² ini melibatkan seluroh bidang kegiatan² ekonomi, sosial dan politik: menggubal dasar pelajaran untuk menggalakkan ujud-nya nilai² persamaan dan ketaat-setiaan di-kalangan semua

kaum dan di-semua wilayah; menanamkan semangat bekerja keras dan tekun untuk negara melalui berbagai² jenis perkhidmatan; memajukan dengan usaha cermat satu bahasa dan kesusasteraan kebangsaan, seni dan muzik; mewujudkan simbol² dan institusi² negara yang tulin berdasarkan kebudayaan dan adat resam masyarakat. Tujuan asas ini di-tegaskan di-dalam *Rukunegara*. “. daripada unsur² yang berlainan ini kami berchita² hendak membentuk satu bangsa yang bersatu-padu di-mana kesetiaan dan perasaan chinta kepada negara ada-lah mengatasi segala kesetiaan² yang lain”.

11. Yang demikian, perpaduan negara mempunyaï beberapa segi. Kejayaannya memerlukan sokongan daripada segala pehak dan peringkat masyarakat Malaysia. Faktor² sosial dan kebudayaan, politik dan ekonomi, pehak awam dan swasta, perasaan dan saikoloji semua-nya memainkan peranan masing² dan semua faktor² ini berkaitan antara satu dengan lain. Perpaduan negara tidak akan dapat di-chapai tanpa ada-nya persamaan dan persimbangan yang lebeh memuaskan antara kumpulan² masyarakat dan kaum di-Malaysia dalam penyertaan mereka di-bidang pembangunan negara dan untuk sama menekmati faedah² dari pembaharuan dan kemajuan ekonomi. Perpaduan negara tidak dapat di-pupok kira-nya sa-bahagian besar daripada penduduk-nya maseh miskin dan peluang² pekerjaan tidak menchukopi untuk memenuhi kehendak² tenaga buruh yang sentiasa bertambah.

12. Kekeliruan tidak sa-harus-nya timbul yang perpaduan negara boleh di-chapai hanya dengan chara² ekonomi sahaja; sebalek-nya pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat dan ekonomi ada-lah sharat² yang perlu bagi perpaduan negara. Ranchangan Malaysia Kedua, dan Ranchangan² seterus-nya, mengandungi dasar² dan ranchangan² untuk menchapai kedua² matlamat Dasar Ekonomi Baharu yang penting.

III.—KANDONGAN DASAR EKONOMI BAHARU

1. MEMBASMI KEMISKINAN

13. Kemiskinan ada-lah satu sebab utama yang menimbulkan rasa tidak puas hati di-kalangan ra'ayat di-semua negara. Ia-nya terdapat di-kawasan² bandar dan luar bandar serta melibatkan semua kumpulan² kaum dan ugama. Ia juga menimbulkan satu putaran yang berulang dalam segi kejahilan, kesengsaraan, daya pengeluaran yang rendah dan keadaan terbiar. Oleh kerana kemiskinan boleh menghanchorkan perpaduan negara, maka pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum ada-lah menjadi satu matlamat utama Dasar Ekonomi Baharu.

14. Kemiskinan ada kaitan-nya dengan orang² yang menganggor, pekerja² yang tenaga-nya tidak di-gunakan dengan sepenoh-nya dan mereka² yang terlibat di-dalam kegiatan² yang daya pengeluaran-nya amat rendah, hingga menyebabkan taraf hidup mereka jauh di-bawah taraf hidup purata negara. Pembasmian kemiskinan ini akan menghapuskan faktor penghalang yang besar dalam mewujudkan satu masharakat yang bersatu padu dan adil.
15. Matlamat untuk membasi kemiskinan akan dapat di-chapai melalui berbagai² chara yang di-huraikan dengan lengkap-nya dalam Bab² yang berikut. Dasar² dan ranchangan² dalam Ranchangan ini, yang menitek-beratkan matlamat membasi kemiskinan, akan di-tujukan untuk:
- (i) Menambah daya pengeluaran dan pendapatan mereka² yang menghasilkan keluaran yang rendah dengan menggunakan teknik² baharu dan kemudahan² yang lebeh baik. Langkah² bagi maksud ini termasok-lah ranchangan² penanaman padi dua-kali sa-tahun, penanaman di-luar musim, penanaman berselang² dan kemudahan parit dan taliayer. Langkah² lain ia-lah memperbaiki kemudahan pemasaran, dan pinjaman, dan mengadakan bantuan kewangan dan teknik untuk perusahaan dan perniagaan² kechil.
 - (ii) Menambah peluang² untuk menukar lapangan kegiatan dari pada sektor yang rendah daya pengeluaran-nya kepada kegiatan² di-sektor yang lebeh menguntongkan, saperti di-dalam ranchangan² kemajuan tanah yang baharu, projek² perikanan dan perhutanan moden, perdagangan, perusahaan dan perkhidmatan² moden; juga mengadakan bantuan² kewangan dan teknik, peluang² mendapatkan pelajaran dan latehan serta susunan² organisasi yang perlu untuk memudahkan pemindahan ka-dalam lapangan² moden.
 - (iii) Mengadakan berbagai² perkhidmatan sosial yang perchuma atau di-bantu, khusus-nya untuk meninggikan taraf hidup gulongan² yang berpendapatan rendah. Perkhidmatan² seumpama itu termasok-lah projek² perumahan awam, bekalan letrik, ayer dan kemudahan pengangkutan yang mengenakan bayaran lebeh murah daripada sa-patut-nya, perkhidmatan² kesihatan dan perubatan, peluang² untuk mendapatkan pelajaran serta kemudahan² berehat dan masharakat.
16. Usaha mewujudkan permintaan yang banyak terhadap buroh adalah satu asas yang mustahak untuk membasi kemiskinan dan menyusun sa-mula masharakat. Peluang² pekerjaan yang lebeh banyak mesti-lah di-ujudkan terutama-nya untuk belia² dari semua kaum, supaya menambahkan hasil dari usaha² buroh yang produktif.

17. Dalam usaha mengadakan lebeh banyak peluang² pekerjaan, Malaysia mesti-lah menyelesaikan masaalah² perkembangan pendudok² yang chepat. Dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua dan dalam tahun² sa-lepasnya, bilangan orang² yang menchari pekerjaan akan bertambah dengan pesat. Ranchangan peranchang keluarga yang telah di-lancharkan dalam Ranchangan Malaysia Pertama, hanya akan memberi kesan terhadap penambahan tenaga buroh dalam tahun² kelapan pulohan.

18. Oleh itu, nyata-lah bahawa Malaysia mesti meranchang untuk menchapai satu kadar perkembangan ekonomi yang tinggi. Ia juga memerlukan perubahan² besar dalam susunan ekonomi. Lapangan perusahaan dan bahagian² penting dalam lapangan perkhidmatan perlu-lah di-perluaskan lagi bagi mengadakan satu kadar pekerjaan yang memuaskan. Sa-lanjutnya, usaha² mengadakan pekerjaan sebagai satu chara untuk membasmi kemiskinan tidak-lah boleh di-pandang hanya dari segi bilangan pekerjaan yang dapat di-adakan. Peluang² yang chukop mesti-lah di-adakan bagi mereka yang sedang belajar dan yang di-lateh untuk kerja² kemahiran serta bagi mereka yang akan di-lateh dengan ramai lagi pada masa akan datang.

19. Dasar Ekonomi Baharu menganggap perkembangan dan perubahan susunan masharakat sebagai chara² mewujudkan satu sektor moden yang lebeh besar. Perkembangan ekonomi juga akan di-galakkan dengan menitek-beratkan jumlah pekerjaan. Galakan² pelaboran akan di-tumpukan untuk memenohi keperluan² pekerjaan. Dalam melaksanakan projek² pembangunan, khusus-nya di-sektor awam, usaha² akan di-jalankan bagi menggunakan teknik yang memerlukan banyak tenaga buroh. Langkah² ini dan yang lain², sebagaimana di-terangkan dalam Bab VII, ada-lah bertujuan untuk menchapai kadar pengambilan buroh yang tinggi pada satu² kadar pelaboran yang tertentu. Dengan chara ini mungkin tercapai-lah satu keadaan di-mana lebeh ramai lagi tenaga buroh yang terlateh di-gunakan dengan sa-penoh-nya dan produktif. Dengan ini, penganggoran dan gunatenaga tidak penoh tidak lagi merupakan faktor² yang menyebab-kan kemiskinan di-kalangan sa-bilangan besar ra'ayat Malaysia.

2. PENYUSUNAN SA-MULA MASHARAKAT DAN PERIMBANGAN EKONOMI

20. Langkah kedua Dasar Ekonomi Baharu di-tujukan kepada menyusun sa-mula masharakat supaya pengenalan kaum mengikut kegiatan² ekonomi yang tertentu akan dapat di-hapuskan. Ranchangan ini membentangkan dasar² dan ranchangan² bagi memodenkan chara hidup pendudok² luar bandar, menggalakkan perkembangan kegiatan² di-bandar² dengan chepat

lagi sa-imbang, mengadakan ranchangan² pelajaran dan latehan yang baik di-semua peringkat, dan yang utama sekali, mewujudkan satu masharakat perniagaan dan perusahaan di-kalangan orang² Melayu di-dalam semua jenis dan peringkat urusan, supaya dalam tempoh satu keturunan, orang² Melayu dan kaum² bumiputra yang lain akan dapat mengambil bahagian yang penoh dalam ekonomi negara. Dasar² dan ranchangan² ini akan di-laksanakan dengan tidak merampas hak² asasi, hak² keistimewaan, pendapatan, pekerjaan atau peluang sa-seorang pun. Oleh sebab itu, untuk mengadakan peluang² pelajaran yang lebeh banyak, pekerjaan yang lebeh baik dan pendapatan yang lebeh tinggi untuk mereka yang kurang bernasib baik, peluang² umpama itu mesti-lah di-tambah dengan chepat bagi semua ra‘ayat Malaysia. Perkembangan ini ada-lah satu unsor yang penting dalam Dasar Ekonomi Baharu.

IV.—PEMODENAN DAN PERKEMBANGAN

21. Usaha² bagi membasi kemiskinan, termasok mengadakan peluang² pekerjaan yang lebeh banyak, dan menyusun sa-mula masharakat untuk menchapai persaimbang ekonomi antara kaum boleh di-jalankan dengan sebaik²-nya dalam keadaan ekonomi yang berkembang. Oleh itu, perkembangan Keluaran Negara Kasar (KNK) ada-lah chara yang utama bagi menchapai tujuan² pokok Dasar Ekonomi Baharu.
22. Malaysia mempunyaï puncha keluaran yang baik, pengalaman pembangunan yang berguna, kedudukan kewangan yang kukoh dan kesetabilan politik pada ‘am-nya untuk menchapai pembangunan ekonomi dan sosial yang pesat dalam tahun² akan datang. Pembangunan seumpama ini akan di-laksanakan dengan mengamalkan dasar² dan menjalankan ranchangan² yang akan menggalakkan penggunaan tenaga ra‘ayat serta puncha² keluaran asli dan modal negara dengan lebeh penoh dan sempurna.
23. Pembangunan akan di-arahkan untuk menambahkan pengeluaran eksport, termasok hasil² perusahaan dan pertanian yang baharu, membanyakkan lagi kerja² memproses bahan² mentah di-dalam negeri dan menggantikan barang² impot dengan pengeluaran dalam negeri. Perkembangan ekonomi akan menjadi lebeh mudah lagi dengan bertambahnya kegiatan² sektor awam chara langsung dan langkah² baharu yang di-reka untuk menentukan supaya sektor swasta akan berkembang dengan kadar yang pesat.
24. Mengikut strateji pembangunan, perhatian akan di-tumpukan terutama-nya ka-arah matlamat² yang dapat di-chapai dari keluaran yang bertambah. Tambahan keluaran akan di-gunakan supaya sumbangan yang

maksima dapat di-berikan kepada matlamat² untuk menchapai pembahagian pendapatan yang lebeh sama-rata dan penyertaan di-dalam kegiatan² lapangan moden, pembaharuan kawasan luar bandar, memberi perkhidmatan pelajaran, kesihatan, dan lain² kapada tiap² ra'ayat, dan mempercepatkan tambahan peluang² pekerjaan. Strateji ini bertujuan untuk mempercepatkan keluaran supaya memudahkan tercapai-nya perubahan sosial dan susunan ekonomi yang di-perlukan untuk menchapai perpaduan negara.

V.—PERANAN KERAJAAN DAN SEKTOR SWASTA

25. Kerajaan dan sektor swasta mempunyaï peranan yang penting dan saling bergantong dalam strateji baharu pembangunan. Di-samping memberi pimpinan untuk menchapai matlamat² pokok Dasar Ekonomi Baharu, Kerajaan akan memainkan peranan yang lebeh besar dan positif daripada masa² yang lepas. Sektor swasta di-jangka akan meneruskan perkembangannya yang dinamis dan membantu usaha² Kerajaan untuk menchapai matlamat² tersebut.

26. Kerajaan akan menyertai sechara langsung di-dalam pertubuhan dan perusahaan pengeluaran yang produktif. Ini akan di-lakukan melalui perusahaan² yang di-punyaï oleh Kerajaan atau sechara bersama dengan sektor swasta. Penyertaan Kerajaan sechara langsung di-lapangan perusahaan dan perniagaan merupakan perubahan yang besar dari amalan masa lampau. Usaha² Kerajaan itu ada-lah perlu terutama sekali berikutan dengan tujuan² untuk mengadakan kegiatan² perusahaan di-kawasan² pembangunan yang baharu maju dan di-pileh serta untuk mewujudkan satu masharakat perdagangan dan perusahaan di-kalangan orang² Melayu.

27. Penubohan kegiatan² perusahaan di-kawasan² pembangunan yang baharu biasa-nya mengambil masa yang lebeh lama sebelum mendapat keuntongan daripada yang biasa di-alami oleh firma² swasta. Tambahan pula, kebanyakannya daripada faedah² yang boleh di-dapati dari penyebaran kawasan perusahaan ada-lah faedah yang tidak sechara langsung dan tidak merupakan faedah kewangan. Oleh itu perusahaan² swasta tidak mendapat apa² faedah yang nyata dan langsung dari segi keuntungan. Berdasarkan sebab² ini-lah maka Kerajaan akan mengambil peranan yang lebeh chergas dalam penubohan dan menjalankan usaha² dalam bidang perdagangan, perusahaan dan pertanian.

28. Satu lagi tujuan penyertaan Kerajaan sechara langsung ada-lah untuk mewujudkan satu masharakat perdagangan dan perusahaan di-kalangan

orang² Melayu. Daya pengusaha hanya dapat di-ujudkan dengan meng-adakan peluang² untuk mengasah bakat ini. Usaha² Kerajaan yang bersunggoh² nyata ada-lah perlu untuk mendapatkan sa-bilangan besar orang² Melayu dan bumiputra² lain pengalaman dan mempunyaï peluang masok yang lebeh ka-bidang perniagaan dan perusahaan. Peranan Kerajaan dalam usaha ini termasok-lah pembinaan bangunan² perniagaan, pelaboran sechara langsung dalam perusahaan² pengeluaran dan perdagangan yang akan di-kuasaï dan di-uruskan oleh orang² Melayu dan kaum² bumiputra yang lain, ranchangan² latehan dalam perkhidmatan yang di-bantu oleh Kerajaan dan berbagai² kegiatan² lain meliputi bantuan kewangan dan teknik. Dengan peranan Kerajaan yang sedemikian, usaha membentok satu masharakat perdagangan dan perusahaan yang berbilang bangsa akan menjadi lebeh mudah dan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi akhir-nya akan di-hapuskan.

29. Peranan Kerajaan juga meliputi usaha² membiayaï dan menguruskan ranchangan² kemajuan tanah yang lebeh luas, termasok mengadakan ladang² Kerajaan, dan ranchangan² pelajaran dan latehan yang lebeh banyak. Kerajaan juga akan terus memperbaiki infrastruktur ekonomi dan sosial, serta menuahkan institusi² yang baharu yang akan meneruskan usaha² memajukan puncha keluaran tenaga manusia dan kebendaan. Perhubongan melaluï jalan² raya, keretapi, laut dan udara akan di-perluas dan di-perbaiki lagi.

30. Peranan yang bertambah luas ini memerlukan pembentukan dasar² perbelanjaan dan kewangan yang akan menjamin ada-nya wang Kerajaan yang chukop tanpa mengakibatkan kesan yang burok kapada kegiatan² lapangan swasta yang produktif. Beberapa langkah dan galakan akan juga di-beri untuk menggalakkan pelaboran di-kalangan swasta supaya menjalankan perusahaan di-peringkat dan susunan yang akan memberi sumbangan maksima untuk menchapai matlamat negara.

31. Begitu juga, keupayaan Kerajaan dalam tugas peranchangan dan perlaksanaan akan di-perbaiki lagi. Ini termasok-lah langkah² melichinkan perjalanan pentadbiran, dasar² kakitangan dan susunan organisasi supaya dapat di-laksanakan dasar² dan ranchangan² Kerajaan dengan lebeh berkesan dan segera.

32. Usaha untuk menchapai tujuan² negara dalam Ranchangan Malaysia Kedua bukan-lah terserah kepada Kerajaan sahaja. Ia bergantong sama berat-nya pada kegiatan² dan tanggong-jawab sosial sektor swasta. Ber-bagai² jenis chukai dan bantuan, chukai tarif serta ranchangan menggalak-kan ekspot dan peratoran² kewangan akan di-bentok untuk memberikan

kesan yang baik kepada tingkat dan susunan kegiatan sektor swasta. Walau bagaimana pun, pada asasnya, kejayaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baharu ada-lah bergantong pada kerjasama dan sokongan yang kuat dari sektor swasta.

33. Sokongan dan kerjasama sa-umpama itu dari sektor swasta ada-lah sangat nyata. Tambahan pula, parti² politik, dewan² perniagaan, persatuan² pengilang, kesatuan² sekerja dan majikan, dan kumpulan persendirian lain telah semakin faham dan bertanggong-jawab terhadap tujuan² pembangunan yang baharu. Kejayaan bagi menchapai tujuan² tersebut ada-lah bergantong pada fahaman dan sokongan yang luas ini.

34. Pada keselurohan-nya, strateji pembangunan baharu memerlukan usaha² yang giat dari Kerajaan dan tanggong-jawab yang penoh serta sokongan kuat dari ra‘ayat. Peranan Kerajaan ada-lah besar dan meliputi berbagai² jenis. Lapangan swasta juga di-kehendaki memainkan peranan yang sama penting. Ra‘ayat dari semua gulongan dan kaum mestilah menyedari bahawa penubohan satu negara Malaysia yang bersatu padu dan satu masharakat yang adil dan maju ada-lah menjadi tanggong-jawab mereka.

VI.—TINJAUAN JANGKA-PANJANG

35. Usaha² membasmi kemiskinan dengan menambahkan pendapatan dan mengadakan gunatenaga yang penoh, serta menyusun sa-mula masharakat dan ekonomi Malaysia dengan mengurangkan perbezaan ekonomi antara kaum², terutama bagi mewujudkan satu masharakat perdagangan dan perusahaan di-kalangan orang² Melayu, mungkin memerlukan tempoh satu keturunan atau lebih sebelum kejayaan sa-penoh-nya di-chapai. Kemajuan ka-arah tujuan² ini akan di-buat dalam Ranchangan Malaysia Kedua; dalam itu juga, Ranchangan ini akan mengadakan chara² dan proses² yang membolehkan perubahan ekonomi di-percepatkan. Dasar² dan ranchangan² yang tertentu yang di-terangkan dalam Bab² yang berikut ada-lah terutama-nya berkaitan dengan pembangunan dalam tempoh masa lima tahun yang akan datang. Walau bagaimana pun, apa yang akan berlaku selepas tahun 1975 ada-lah sama mustahak-nya. Pembangunan ekonomi dan sosial ada-lah satu proses yang berlanjutan, dan seterus-nya di-tegaskan bahawa tujuan pokok Dasar Ekonomi Baharu ada-lah untuk mewujudkan institusi² dan proses² yang akan membolehkan Malaysia berada dalam keadaan tenteram dan bersatu-padu yang berkekalan, serta membolehkan semua ra‘ayat menekmati bersama kemajuan dan kekayaan negara.